

10/04/2002

Singapura minta tempoh jawab isu berbangkit

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Selasa - Singapura meminta tempoh bagi memberi jawapan kepada cadangan baru Malaysia dalam pakej penyelesaian isu berbangkit antara kedua-dua negara yang dikemukakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lalu.

Perdana Menteri mengemukakan cadangan pakej baru itu dalam suratnya kepada Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew awal bulan lalu. Bagaimanapun, sehingga kini republik terbabit belum memberi jawapan rasmi.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Malaysia masih menunggu jawapan negara jiran itu dan adalah tidak benar laporan kononnya Kuala Lumpur belum mengemukakan sebarang cadangan.

"Kita sudah mengemukakannya (cadangan baru). Kita masih menunggu jawapan. Kini segalanya berada di pihak Singapura (untuk menjawab)," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Dr Tatsuo Arima, wakil khas Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi, di Wisma Putra hari ini.

Cadangan Malaysia yang terkandung dalam sepucuk surat Dr Mahathir kepada Lee itu, dipercayai antara lain berkisar kepada isu harga air iaitu isu utama dalam banyak isu yang berbangkit antara kedua-dua negara.

September lalu, Malaysia dan Singapura bersetuju menyelesaikan semua isu tertangguh berlarutan begitu lama berikutan perbincangan antara Dr Mahathir dan Lee Kuan Yew yang melawat Kuala Lumpur ketika itu.

Persetujuan itu merangkumi penjualan air oleh Malaysia ke Singapura, pertikaian mengenai pembangunan tanah milik KTM Bhd dan status pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin di Stesen KTM Tanjung Pagar Singapura, penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan pengeluaran caruman dari Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF) oleh pekerja dari Semenanjung Malaysia.

Selain isu itu, kedua-dua pihak bersetuju dengan cadangan tambahan Malaysia mengenai pembinaan jambatan baru menghubungkan kedua-dua negara dan merobohkan Tambak Johor selepas jambatan baru itu siap pada 2007.

Singapura mengemukakan cadangan baru selepas itu tetapi Januari lalu, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak setuju dengan tawaran baru republik itu untuk membeli air mentah dengan harga 45 sen bagi setiap 1,000 gelen (4,500 liter) kerana ia terlalu murah.

Berikutan itu, Malaysia mengemukakan cadangan baru mengenai harga air tetapi kadar sebenar yang diminta Kuala Lumpur itu tidak diumumkan secara rasmi.

Syed Hamid berkata Malaysia sudah mengemukakan cadangan baru, dan kini terpulang kepada Singapura untuk bertindak.

Katanya, apabila Singapura memberi jawapan kepada cadangan itu dan "tiada lagi halangan", perbincangan di peringkat pegawai dan menteri akan disambung untuk menyelesaikan isu-isu tertangguh.

Syed Hamid bagaimanapun enggan memberitahu perkara yang terkandung dalam rundingan itu. "Rundingan ini perlu dilakukan secara senyap," katanya.

(END)